

**MAJLIS BERSAMA JABATAN
(PIHAK PEKERJA)
IBU PEJABAT LAUT MALAYSIA
NOTIS BIL. 1 TAHUN 2011
PELANTIKAN WAKIL PIHAK PEKERJA**

**Semua Pekerja
Ibu Pejabat Laut Malaysia**

1. Sukacita dimaklumkan melalui proses undian oleh pihak pekerja yang dijalankan pada akhir tahun 2011, pekerja-pekerja berikut telah dipilih untuk menjadi Ahli Majlis Bersama Jabatan, Ibu Pejabat Laut Malaysia bagi tempoh dua tahun (Januari 2012 – Disember 2013) iaitu:

Encik Mohd Hafiz Bin Abdul Majid	– Naib Pengerusi
Puan Norshazila Binti Ahmad	– Setiausaha
Encik Mohd Tarmizi Bin Osman	– Ahli (Wakil Bahagian Kawalan Industri)
Encik Adam Ronny Bin Rosly	– Ahli (Wakil Bahagian HEPP)
Cik Riziana Binti Ibrahim	– Ahli (Wakil Bahagian ILPPPL)
Encik Mokhtar Bin Manaf	– Ahli (Wakil Bahagian BKP)
Encik Zainal Fitri Bin Zainal	– Ahli (Wakil Bahagian Khidmat Pengurusan)
Encik Mohd Noor Bin Idrus	– Ahli (Wakil Bahagian Khidmat Pengurusan)

2. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, Ibu Pejabat Laut Bil. 1/2011 akan diadakan pada **21 Februari 2012 (Selasa)**. Untuk makluman semua, borang isu atau cadangan yang ingin tuan/puan kemukakan akan dipanjangkan melalui emel tuan/puan dan mohon jika terdapat sebarang cadangan atau usul dihantar semula kepada wakil bahagian MBJ yang dilantik seperti nama di atas.
3. Selain itu untuk makluman tuan/puan, MBJ IPL juga telah menyediakan email khas untuk memudahkan semua pekerja. Sehubungan dengan itu, semua pekerja adalah disarankan untuk menyampaikan isu, cadangan dan syor yang berkaitan dengan kelincinan kerja dan kebijakan pekerja-pekerja dengan menghantar kepada alamat e-mail MBJ iaitu mbjipl@marine.gov.my. Semua keputusan mengenai syor dan cadangan ini juga akan dimaklumkan melalui ikon MBJ di dalam laman JALIN. Juga dimaklumkan bahawa semua isu yang dibangkitkan hendaklah mematuhi peraturan seperti di Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 (Rujuk Lampiran).
4. Ahli-ahli pihak pekerja yang terpilih ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pekerja-pekerja di atas pemilihan dan kepercayaan yang diberikan bagi menyampaikan pandangan, hasrat dan harapan pekerja-pekerja kepada pihak pengurusan secara rasmi disamping memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak pengurusan agar setiap usaha tersebut akan mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada semua pihak.

Terima kasih.

**(MOHD HAFIZ BIN ABDUL MAJID)
Pengerusi (Pihak Pekerja)
Tarikh: 15 Februari 2012**